

sembang dr ram
mitos debat
artikel
keputusan kejohanan debat 2010
ranking pasukan debat intervarsiti 2010

minda.mind



DR RAMZAH DAMBUL

1. Debat Diraja merupakan pertandingan debat yang paling dinanti-nanti oleh semua pendebat meskipun hadiahnya tidaklah selumayan pertandingan-pertandingan lain. Apa uniknya debat diraja pada pandangan Dr.?

Debat Diraja unik kerana sejarahnya. Ia merupakan perintis kepada temasya debat berbentuk retorik dan pintar, dalam konteks Malaysia. Semua pertandingan bahas pre-Debat Diraja masih berbentuk konvensional. Bukan saja dari segi pendekatan debat, tetapi juga sistem penjurian. Ia dihakimi seluruhnya (dari awal sampai akhir) oleh hakim-hakim jempunan VIP. Kemunculan Debat Diraja merupakan satu mercutanda signifikan dalam pembaharuan gaya debat Malaysia. Hampir semua pertandingan sukan prestij di dunia mempunyai temasya perdana yang dipanggil 'grand-slam'. Bagi pertandingan Debat Bahasa Melayu di Malaysia, grand-slam ialah Debat Diraja dan Debat Alam Sekitar.

2. Apa yang 'hilang' dalam aktiviti debat sekarang berbanding dengan debat zaman dulu?

Perbandingan zaman memang lazim dibuat. Terutama oleh golongan sentimentalist. Of course, everyone would glorify his/her own era. Kita boleh saja memberi pandangan bahawa para pendebat sekarang lebih buruk atau lebih baik daripada pendebat dulu. But how do you measure the comparison? Or, the more valid question is - can we actually measure it? In all fairness, we are the product of our own era.

Perbandingan merentas zaman adalah sesuatu yang kurang adil. Pun begitu, bukan bermakna kita tidak boleh membuat tilikan dan taakulan. Sebagai satu rangsangan untuk mencapai kualiti debat yang lebih baik.

Apa yang 'hilang' dalam dunia debat masakini? Saya fikir yang paling ketara adalah 'persona individu'. 95% pendebat sekarang mempunyai gaya yang hampir sama. Bukan saja dari segi

persembahan, tetapi juga dari sudut metod penghujahan. Dunia debat IPT masakini seakan-akan seperti kilang. Debaters are (seemingly) mass-produced, rather than individually trained. Kemahiran debat bukan lagi satu seni yang unik. Tetapi bagaikan sejenis penyakit yang berjangkit. Everyone can easily get affected, without even making any "reasonable" effort. Cukuplah sekadar datang menganggang begitu-begitu saja.

Mencuplik idea, persona dan metod orang lain bagaikan satu amalan yang paling mulia dalam dunia debat masakini. Semua orang berlumba-lumba mahu melakukannya. Personal pride is no longer relevant. Being who you really are is not important anymore. Because "winning" is everything. Kalau satu pasukan telah menemui 'formula' untuk menang, maka yang lain pun ikut-ikutan.

Mentaliti begini menjadikan budaya debat jadi terbantut. Tidak lagi boleh berkembang kerana tiada siapa yang ada 'personal pride' mahu melakukan inovasi. Kalau ada pun, terlalu minoriti. Hanya sekanggang hama sahaja.



3. Isu kehakiman acapkali menjadi perbualan komuniti debat, terutama sekali pendebat. Hal ini kerana setiap kali debat intervasiti berlangsung pasti ada hakim "tangkap muat" memandangkan kita kekurangan tenaga mahir dalam bidang penghakiman. Apakah pandangan berkenaan perkara ini?

Berbanding dengan dulu, isu kehakiman masakini sebenarnya lebih baik. Kalau dulu, lagi kritikal. Sekarang makin ramai yang faham dan bersedia bagi komitmen. Walaupun pertandingan sekarang tempohnya lebih panjang (kerana ia menggunakan sistem separa l i g a) .

Sebagai ahli veteran MADUM, saya melihat isu ini sebagai item prioriti terpenting. Sebenarnya, MADUM sendiri pun sudah ada perancangan untuk memperkemaskan hal-ehwal kehakiman. Misalnya, sudah ada perbincangan awal untuk menggubal prinsip, mekanisma dan modus operandi yang lebih sistematik untuk aspek latihan dan pentauliahan hakim.

Saya juga ingin menambah, bahawa isu kehakiman ini sepatutnya hanya berbangkit di kalangan pegawai dan aktivis-aktivis kehakiman. Debaters should never get involved in this. You mind and take care your own business. Tidak perlu datang ke pertandingan debat dengan kegusaran-kegusaran menggunung tentang hal-hal penghakiman. It is something you can't control, so why allow this issue to bother you?

Put it this way, if you are TRULY, TRULY brilliant - even the stupidest judge in the world could possibly see how good you are. Jadi fokuskan tenaga mental dan jiwa untuk menjadi pendebat yang 'brilliant'. And I can guarantee you that so far MADUM has yet recruited the stupidest judge in our universe. So, if you can get your performance even 'reasonably' brilliant - the chance that most judges would get convinced is very high.

Setiap kali berakhirnya satu pertandingan debat, percayalah... masih terlalu banyak aspek yang boleh diperbaiki. Sebab itu pendekatan saya secara peribadi ialah meletakkan 'isu kehakiman' di tangga ke-99. Sama ada menang atau kalah. I need my team to find those 98 factors first, before I allow them to talk about the judging process. Logically, why do you have to post-mortem and discuss something that you can't control? Kenapa tidak tumpukan perhatian kepada perkara dalam kawalan kita: matter, manner and method?

Kenyataan saya itu bukan mahu menidakkan pentingnya kita memperhalusi isu kehakiman dan memastikan ia berkualiti. Of course this is VERY IMPORTANT. But my point is, let the MADUM officials deal with that. Para pendebat pula lebih afdal dan waras kalau menumpukan usaha untuk menangani isu-isu persembahan debat.

DR RAMZAH DAMBUL

Debate is a learning process. And one of the things you need to learn is: to understand your capacity, and to appreciate the limitation.

4. Ramai tertanya-tanya tentang beberapa pembaharuan, antaranya pemecahan kategori kumpulan pusingan awal dan pengkelasan usul. Komen?

Sejak kebelakangan ini, kita selalu dengar rungutan tentang kualiti debat yang semakin 'tepu'. Bukan mahu mengatakan para pendebat sekarang tidak bagus. Tapi seperti ada satu konsensus kalangan majoriti 'aktivis debat' bahawa mutu debat sekarang sudah jadi statik. Ia seperti tidak mampu tumbuh lebih tinggi, baik dari segi persembahan, daya penghujahan mahu pun penguasaan fakta/isu.

Rungutan ini telah lama kedengaran dan berlarutan; dan pelbagai usaha telah dijalankan untuk cuba menangani kemelut ini. Ada perubahan? Tiada. Atau terlalu sedikit. Kadang-kadang tambah merudum.

Satu usaha yang belum pernah dibuat ialah merombak format dan tatacara pertandingan. Tahun ini, JK Penghakiman & Teknikal telah mencadangkan supaya 'tajuk diberi spontan 100%' (dan tanpa pilihan bagi SEMUA pusingan); manakala kumpulan pendebat bagi saingan peringkat liga dipecahkan mengikut kategori. Itulah dua elemen penting yang cuba diperkenalkan dalam Debat Diraja tahun ini. Atas semangat mahu bertindakbalas kepada 'kelesuan' dan 'kebangkutan' pertumbuhan kualiti debat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Adakah reformasi format ini boleh membawa perubahan positif kepada budaya debat IPT? I don't know. And honestly, nobody knows. In fact, instead of bringing positive impacts - it may stipulate undesirable outcomes. Menjadikan kemelut yang ada tambah berkabut. But that is the risk we have to take. If we don't dare to reform and change - kita akan selamanya terpenjara dalam 'status quo'. We only have two options: (1) change nothing, and we would continually be at the 'state' we are now; AND (2) do something different, so we would face the risk of getting worse - or having the opportunity to improve things.

Apa pilihan anda? Terpulanglah. But for this year's Royal Debate (BM): lorong telah pun dipilih. Mari kita semua berjalan di atasnya. Hingga ke penghujung.:-)

5. Nasihat Dr. kepada semua pendebat diraja 2010.

Kepada para pendebat wanita, try not to show off your sparkling tudung or baju kurung. Simpan labuci dan warna-warna meriah khusus untuk audition AF. And you have approximately 3 weeks to learn how not to scream.

Kepada para pendebat lelaki, please get a decent hair-cut, proper attire and leave your powder at home.

I don't judge a book by its cover and will never do. Saya sudah berada dalam dunia debat IPT selama dua dekad. I do know you and respect your personal choice of expression. But we also have many 'outsiders' in this tournament - and these people don't understand you. Sepertimana kami ahli-ahli MADUM memahami anda.

Nasihat saya di atas itu bukan untuk menyenangkan hati dan mata saya sendiri. NO. Seriously, I don't care. But you need to protect yourself from being prejudiced by judgmental people. Believe me, there is a lot out there!

KEPUTUSAN royal 2009

UTAMA

suku akhir

UIAM UTAMA 1 vs UKM UTAMA 2
UTP UTAMA 1 vs UKM UTAMA 1
USM UTAMA 1 vs UPM UTAMA 2
UITM UTAMA 2 vs UTHM UTAMA 1

separuh akhir

UIAM UTAMA 1 vs UKM UTAMA 1
USM UTAMA 1 vs UTHM UTAMA 1

akhir

UTHM UTAMA 1 vs UKM UTAMA 1

MUDA

suku akhir

UITM MUDA 2 vs USM MUDA 1
USIM MUDA 1 vs UPM MUDA 1
UKM MUDA 1 vs UIAM MUDA 2
UTP MUDA 1 vs UTP MUDA 2

separuh akhir

USIM MUDA 1 vs USM MUDA 1
UIAM MUDA 1 vs UTM MUDA 1

akhir

USIM vs UTP



Itu soalan yang perlu ditanya oleh setiap orang dalam arena debat; dan juga sebagai manusia.

Bagi saya, debat menjadikan saya manusia yang lebih terbuka dan berani menentang; sekurangnya bergaduh dalam diri sendiri tentang idea yang dilemparkan. Hidup dalam zaman maklumat bertimbun akan menjadikan manusia salinan kepada manusia lain. Semuanya diterima hanya kerana nama, status dan autoriti manusia yang bercakap. Jika yang bercakap seorang profesor, ahli politik, media masa, sasterawan dan pelbagai jenis gelaran lagi, kecenderungan untuk menerima semuanya bulat-bulat lebih tinggi; walaupun ia dipenuhi dengan kebongkakan narcissist, kedangkalan penerimaan dan kebobrokan penolakan idea baru. Hanya semata gelaran dan pangkat yang wujud, meletakkan status kepada ketinggian darjat idea.

Ini yang saya tentang dan tolak sepanjang kehidupan. Kerana menerima situasi ini meletakkan manusia dalam sangkar idea dan keketatan ilmu pengetahuan. Walaupun begitu tidak bermaksud kita perlu menjadi manusia barbarik yang menolak setiap idea dan pandangan manusia lain. Apa yang perlu ialah pesimis rasional bukannya barbarik mandul.

Debat menyediakan idea tentang diri ini di bina. Ya, saya juga perlu mengambil kira pandangan hakim yang berat sebelah, atau hakim yang memandang nama universiti atau hakim yang penuh dengan preconceive idea tentang usul. Tetapi itulah cabarannya, memenangi hati hakim dengan seni debat tanpa perlu mengorbankan prinsip asas diri sendiri. Bahasa dan adab sopan perlu dijaga, emosi perlu dikawal dan rasional perlulah logik untuk menentang dan membawa pembaharuan.

apa yang kau cari?

pencacaikata@mindamind.wordpress



Saya kira inilah kemuncak kehandalan anda sebagai pendebat, bilamana bukan sahaja anda mampu memikat hakim dan penonton tetapi juga berjuang dengan prinsip. Tetapi, jika kemenangan yang anda cari sebagai matlamat utama, jalan yang saya cadangkan dan lalui ini akan menjadi teramat sukar. Dan ini bukan alasan kepada yang sering kalah kerana kelemahan sendiri.

Kerana saya selalu percaya pembentukan 'diri pendebat' akan memberi kesan kepada kehidupan anda sepanjang hayat. Begitu juga kecemerlangan akademik, pengisian spiritual rohani, penerimaan kasih sayang dan kepompong rakan taulan.

Lantas, saya sangat kecewa dengan beberapa siri perdebatan yang berlangsung tahun ini. Melihat idea lama dikitar semula, analisis lapuk diguna pakai dan persembahan yang hanya sedikit baik daripada artis mee segera AF. Seolah tertolak ke masa silam lima belas tahun lepas melihat perdebatan 2010 berjalan. Kerana matlamat untuk menang telah menyekat kebebasan pemikiran dan keutuhan intelek semua.

Bukan bermaksud generasi saya lebih baik, tidak. Setiap generasi ada perjuangan sendiri. Tetapi ramai yang sudah hilang matlamat kerana jasa generasi lepas. Nama universiti tidak lagi membawa tiket percuma kehebatan. Kemunculan universiti baru yang membina nama seperti UTP, MMU, USIM, UTHM dan UPNM (hanya menyebut beberapa nama) membuktikan

Generasi sekarang perlu berusaha lebih keras; arena debat bukan arena bersahabat tanpa cemburu. Ini arena perjuangan untuk menonjolkan idea dan prinsip. Dan persahabatan dalam debat bukannya soal-soal melankolik semata, ini perhubungan dalam perjuangan. Bisa sahaja bergaduh dan bertengkar kerana beda prinsip tetapi bersahabat seolah akan mati bersama esok hari.

Maka saya harap sesuai dengan prestij Debat Diraja nanti, semua manusia yang gemar menggelarkan diri mereka pendebat supaya menonjolkan karakter pendebat. Bukan hanya sekadar menghabiskan masa tujuh minit, bercakap megah dan duduk mendiamkan diri tanpa otak.

Oh, dan ini lanjutan kepada segala makian dan pujian yang anda bakal terima sewaktu latihan Royal nanti bersama jurulatih masing-masing.

Selamat Berjaya Untuk Semua dan Selamat Ulangtahun Minda Mind!

Debat :

ada apa dengan latihan

Arena debat antara universiti boleh dikatakan lengang buat masa ini kerana tidak ada pertandingan berskala besar.

Pun begitu, dunia debat tetap meriah dengan pertandingan dan liga yang dijalankan secara dalaman atau kerjasama antara beberapa universiti.

Tidak ketinggalan siri latihan berkala yang dilakukan dalam pelbagai format untuk memastikan para pendebat kekal berminda cergas walaupun ketika off-season.

Justeru, molek juga kalau saya berkongsi dengan para pendebat tentang apakah sebenarnya yang boleh dimanfaatkan dalam sesi latihan? Apakah tabiat yang sering diamalkan oleh para pendebat terdahulu yang telah menjadikan mereka pendebat yang lebih baik dari masa ke masa?

1. Wayar dalam otak

Saya pasti, para pendebat pasti terpesona melihat betapa mudahnya pendebat-pendebat lama mempersembahkan gaya sendiri ketika beraksi di pentas. Effortless. Seolah-olah mereka memang dilahirkan sedemikian rupa.

Tidak sama sekali.

Mereka menjadikan debat seolah-olah rutin harian kerana mereka tidak pernah gagal untuk menghadiri latihan. Seni pengucapan awam bukannya bakal istimewa yang diperoleh satu dalam sejuta. Debaters are not savants or naturally gifted, except for a few.

Frasa-frasa indah yang terbit lancar dari mulut mereka merupakan hasil ujikaji berpuluh-puluh, malah barangkali beratus-ratus frasa yang diulangcuba dalam sesi latihan. Jangan malu untuk mencuba dalam sesi latihan. Yang salah ditegur. Yang indah disubur.

Ya, memang benar. Kehebatan mereka bukan keajaiban dan usahlah anda bermimpi untuk menjadi sehebat mereka andai hanya bergoyang kaki dan menunggu masa untuk dipilih masuk ke dalam pasukan. Kehebatan mereka sudah dibentuk menjadi sebahagian daripada wayar dalam otak - dek kerana latihan yang tak putus-putus.

Debate is hard work. Period.

2. Biar kecil asal tercapai

Satu lagi aspek dalam latihan yang sering menyebabkan ramai pendebat putus asa, mengaku kalah, dan tunduk pada kepenatan ialah kerana mereka mempunyai matlamat yang terlalu jauh. Atau lebih malang jika tidak ada arah tuju langsung.

Tidak ada pendebat muda yang tiba-tiba boleh bertukar sehebat Encik Daud Mat Din atau Encik Nizamuddin Hamid dalam masa sehari.

Tidak ada. Tidak akan ada.

Tetapkan matlamat yang KHUSUS dan mampu dicapai dalam tempoh masa latihan yang tertentu. Misalnya, untuk latihan hujung minggu ini, saya ingin mengurangkan sebutan 'erm' ketika berdebat.

Atau, saya ingin memenuhi masa tujuh minit. Saya ingin berdiri tegak dan meningkatkan projektil suara. Saya ingin memastikan fakta yang telah digunakan tidak diulang. Saya ingin mengurangkan sebutan berbaur dialek.

Biar khusus dan usaha kita akan ditumpukan sepenuhnya untuk matlamat tersebut. Barulah pendebat akan keluar dari kepompong, menjadi 'pendebat baru' setiap kali tamat sesi latihan.

akan keluar dari kepompong, menjadi 'pendebat baru' setiap kali tamat sesi latihan.

3. Pendapat bukan format

Ramai pendebat yang rimas dan keliru dengan komentar yang diberikan oleh jurulatih. Semalam, katanya saya perlu menggunakan tempo lebih laju. Hari ini suruh saya perlahan pula.

Minggu lepas katanya saya terlalu garang. Minggu ini suruh saya berkeras pula.


Jangan bimbang. Usah keliru.

Komentar yang diberikan oleh jurulatih biasanya bersifat responsif dengan persembahan pendebat dan berkaitan juga dengan usul dan mood debat yang wujud ketika sesi latihan tersebut.

Maka, pendebat perlu memahami setiap komen dalam bentuk konteks dan bukannya menyalin setiap butir komen lantas dijadikan senarai peraturan debat. Jangan buat begitu.

Perubahan dan proses tambah baik dalam debat sememangnya subjektif dan kompleks. Sebab itu yang culas datang latihan, akan mendapati diri mereka terawang-awang dan terpisah dengan rakan seangkatan lain - lantaran proses pembentukan karakter debat itu telah terhenti seketika dan perlu dimulakan dari awal.

Setakat itu sahaja kali ini. Akan saya karang kalau ada lagi.



I always say this to most of the debaters I meet. That debate is not ONLY about winning the cup and being popular or renowned but more than that it is about being a better person and believing that the beauty of one is when he can explore his very inner thought, take it out and share it with full of wisdom.

Having said that, I am may be not the one who deserves to give tips or techniques or strategies for the upcoming tournaments, nearest, Royals. But for debate has been part of my life and that debate can not be left and ridiculed, my humble thoughts and insights shouldn't be in any means misunderstood.

I see a lot of debaters, from my view some are great some are still working to be great, from various universities and batches. I assume, as a debater they know what debate is all about and how debate should be defined as. But that is purely my mere assumption.

But this writing is not such a lecture on debate but this is more to my personal view on how I see debate.

* * *

Pada hemat saya yang bukan siapa-siapa ini, jangan membudayakan tradisi yang bukan-bukan macam itu. Kan alangkah baik kalau semua faham ini medannya kita berlawan atas nama persaudaraan dan lebih bagus difahami dan didebatkan dalam ruang ilmu yang dalam. Yang kemudian, boleh dicontohi dan dipelajari.

Menang banyaknya membuatkan kita lupa, debat itu ada seni yang perlu dipelihara. Mengejar kemenangan adakalanya menjadikan kita alpa, ada semangat yang perlu diperjuangkan.

Kalah selalunya membuatkan kita sedar, bahwa banyak yang perlu dibelajar. Kalah sering mendorong kita bermuhasabah dan berhijrah, kan?

Words play. I don't have to explain any deeper as you guys all are smart reader, and smart debater too. You can decipher yourself.

Why we are losing those kinds of debater? What actually happened to the newest generation of debater?

Oh, saya keterlaluan. Ini pandangan peribadi. Kamu ada hak untuk mengeji.

Tapi cuba faham, kita masih ada tanggungjawab untuk membudayakan debat sebagai tempat bertempur kata dan hikmah. Jangan sampai debat yang istimewa ini dipandang rendah kerana kerendahan ilmi dan nilai dalam diri kita.

Kita boleh menang, dan tidak mengapa kalah, asal kita sentiasa belajar, sentiasa.

Selamat berjuang!

REKOD 2010

DEBAT PERPADUAN & INTEGRASI NASIONAL

separuh akhir	akhir	johan
UIAM vs MMU	MMU vs UTHM	MMU
UTHM vs UKM		



DEBAT ALAM SEKITAR

separuh akhir	akhir	johan
UTP vs UPM	UTP vs USIM	UTP
UM vs USIM		



DEBAT IKIM

separuh akhir	akhir	johan
UIAM vs UITM	UIAM vs USIM	UIAM
IPSIS vs USIM		



DEBAT INTEGRITI

separuh akhir	akhir	johan
UPM vs UITM	UPM vs UIAM	UPM
UIAM vs UTP		



DEBAT 1 MALAYSIA

separuh akhir	akhir	johan
UKM vs UIAM	UITM vs UPM	UITM
UMS vs UTM		

KEDUDUKAN PASUKAN SEHINGGA DEBAT 1MALAYSIA

PASUKAN	JOHAN	NAIB JOHAN	SEPARUH AKHIR	SUKU AKHIR
UTP	(ALAM SEKITAR)	(DIRAJA MUDA)	(INTEGRITI) (1MALAYSIA)	(DIRAJA UTAMA) (DIRAJA MUDA) (PERPADUAN)
UKM	(DIRAJA UTAMA)		(PERPADUAN) (1MALAYSIA)	(DIRAJA UTAMA) (DIRAJA MUDA) (INTEGRITI) (1MALAYSIA)
UIAM		(INTEGRITI)	(DIRAJA UTAMA) (DIRAJA MUDA) (PERPADUAN)	(1MALAYSIA)
UITM	(1MALAYSIA)		(INTEGRITI)	(DIRAJA MUDA) (DIRAJA UTAMA) (PERPADUAN) (ALAM SEKITAR)
UPM	(INTEGRITI)		(ALAM SEKITAR)	(DIRAJA MUDA) (DIRAJA UTAMA)
USIM	(DIRAJA MUDA)	(ALAM SEKITAR)		(INTEGRITI)
UTHM		(DIRAJA UTAMA) (PERPADUAN)		(ALAM SEKITAR)
MMU	(PERPADUAN)			(INTEGRITI) (ALAM SEKITAR)
USM			(DIRAJA UTAMA) (DIRAJA MUDA)	
UM			(ALAM SEKITAR)	(INTEGRITI) (PERPADUAN)
UPNM		(1MALAYSIA)		
UTM				(ALAM SEKITAR) (1MALAYSIA)
UMS				(1MALAYSIA)
UNITAR				(PERPADUAN)

mitos debat

ORATOR petah berhujah dan menyangkal semenjak hari lahir mereka.

MENGGUNAKAN bahasa berbunga bunga dan aturan perkataan oleh 'dewa dewa'

KELANTANGAN suara yang memecah sunyi 'bak gempa membelah bumi'

MINDA tertutup dan taksub kepada 'hanya aku yang benar didunia yang fana ini'

LEBIH mengutamakan gaya tangan dan mimik muda (dibaca sebagai tarian) berbanding akal

DARIPADA berusaha berhadapan dengan perbezaan pandangan lebih baik 'pejamkan minda'

GEGARAN dewan adalah lambang hujah yang bernas dan menusuk kalbu

SUARA bak pengacara TV atau penyanyi tersohor akan memukau khalayak

DEMI memastikan kesinambungan, berucaplah seperti sepasukan renang berirama

MEMIKAT khalayak dengan gaya dan teknik American Next Top Model

KHALAYAK pendengar adalah lemah minda dan dangkal ilmu (kata kata hikmat untuk semangat)

DENGAN sejarah lampau keturunan nenek moyang saya yang hebat, ...dunia ini saya yang punya...

RETORIK adalah perkara negatif yang jangan sekali kali diamalkan

YANG paling penting jangan berhenti bercakap...biar nampak lancar dan pantas...

BERHEMAH menampakkan kita lemah..Mesti agresif dan menyerang!!!



PETAH MINDA

23112010

p/s: Salam Puja Umur wahai MindaMind

“

jangan jadi seperti saya. Jangan jadi pencinta yang mati cintanya. Jangan jadi pemikir yang hanya memikirkan masalah. Jangan jadi teraju yg membawa kapalnya karam dalam gelora. Jangan jadi teman yang tidak membela temannya. Jangan jadi pemimpi yang takut pada mimpinya. Jangan jadi ulat buku yang akhirnya berhenti membaca. Jangan jadi optimist yang takut pada kemungkinan. Jangan kalah pada diri sendiri. Jalan masih jauh lagi. Jika anda sudah kalah, doa saya adalah agar anda bangun semula. Selamat berjaya dalam Debat Diraja 2010.

DIYANA SULAIMAN